



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

## SEMANGAT KERJASAMA SEMASA KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN CETUS KECERIAAN BUAT KOMUNITI PARLIMEN SEGAMBUT

**KUALA LUMPUR, 25 Februari 2018** – Kenduri 1Wilayah Persekutuan dijayakan bersama oleh 3,000 penduduk di sekitar Jalan Jambu Golok pada hari ini. YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan turut bersama-sama komuniti dalam menyemarakkan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2018 ini. Program ini mendapat sokongan yang tinggi daripada rakyat yang merupakan *signature* program SHWP pada setiap tahun.

Tema “Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera” dilihat memberi impak yang positif kepada semua warga Wilayah Persekutuan dari aspek meningkatkan kesejahteraan kehidupan rakyat. Sebanyak 35 program telah disusun sepanjang bulan SHWP yang merangkumi pelbagai lapisan masyarakat dari golongan kanak-kanak, remaja, belia dan juga dewasa. Ini termasuk program-program bersifat sukan dan rekreasi serta program tanggungjawab sosial masyarakat. Antara aktiviti riadah yang diadakan semasa Kenduri 1WP adalah senam robik, pertandingan mewarna, sukaneka, persembahan pentas, pameran dan lain-lain.

Pelbagai inisiatif bagi mensejahterakan rakyat sentiasa dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan keselesaan kehidupan warga Wilayah Persekutuan. Kerajaan mengambil komitmen membangunkan Pangsapuri Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), di Persiaran Segambut, Kampung Sungai Udang. Projek 3 buah blok pangsapuri melibatkan kawasan seluas 5.51 ekar sedang dalam 30% proses pembinaan yang akan siap sepenuhnya pada tahun 2019. Pangsapuri tersebut dilengkapi kemudahan asas seperti dewan, surau, tempat letak kereta, gelanggang futsal dan taman permainan kanak-kanak. Pangsapuri DBKL ini akan memberikan

kemudahan perumahan kepada golongan muda dan baru berkahwin secara sementara sebelum memiliki rumah sendiri. Walaupun konsep itu bersifat penyelesaian jangka pendek, namun ia mampu memberi nafas lega kepada pasangan muda terutama yang baru berkahwin untuk membina kehidupan secara berperingkat hasil daripada pengurangan kos sara hidup mereka.

Seterusnya projek membesarkan longkang aliran air hujan ke Sungai Toba bagi mengatasi masalah banjir yang sering berlaku di kawasan Segambut Bahagia. Projek ini telahpun siap pada tahun lepas dan pihak DBKL akan terus mempertingkatkan lagi pembinaan kolam takungan air hujan tersebut sebagai alternatif untuk mengelakkan ancaman banjir kilat yang berlaku di Parlimen Segambut.

Melalui pelaksanaan Kenduri 1WP dapat menanam semangat kebersamaan dan keharmonian dalam kalangan rakyat. Selain itu, melalui pelaksanaan program ini, pemimpin berpeluang mendekati rakyat bagi mendengar permasalahan rakyat dan menangani isu-isu setempat dengan segera. Penyertaan warga Wilayah Persekutuan di dalam program-program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2018 akan dapat meningkatkan semangat kerjasama serta memupuk keharmonian sesama masyarakat.

**Disediakan oleh**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Wilayah Persekutuan**